

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
16 MEI HINGGA 26 MEI 2016

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR (BATU GAJAH)

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Pertubuhan Sri Murugan Centre.

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sri Murugan Centre telah melaksanakan 2 program iaitu **i-Cemerlang** dan **i-Sinar**. Sebanyak **RM23.8 juta** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program i-Cemerlang dari tahun 2010 - 2014.

Sementara itu sebanyak **RM26 juta** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program i-Sinar pada tahun 2013 dan 2014. Secara keseluruhan sebanyak **RM49.8 juta** telah disalurkan kepada Sri Murugan Centre dari tahun 2010 sehingga 2014.

Program i-Cemerlang

Program i-Cemerlang bertujuan membangunkan sahsiah pelajar India, membangunkan modal insan belia serta institusi keluarga secara holistik dan dalam jangka panjang menambahkan pendapatan melalui program keusahawanan dan latihan kemahiran.

Program i-Cemerlang telah bermula sejak tahun 2010 dengan matlamat seperti berikut:

- (i) Mendedahkan pelbagai maklumat melibatkan kerjaya serta inisiatif Kerajaan kepada golongan belia serta masyarakat India di kawasan sasaran;
- (ii) Mewujudkan komuniti yang dapat menyara diri sendiri melalui kemahiran untuk menambahbaik kualiti hidup;

- (iii) Menggalakkan penyertaan ibubapa dalam usaha-usaha Kerajaan dan mewujudkan institusi keluarga yang bahagia dan seimbang;
- (iv) Menghapuskan aktiviti yang bertentang dengan undang-undang dan tidak bermoral seperti gangsterisme, vandalisme, dadah, ponteng sekolah, mencuri dan lain-lain; dan
- (v) Meningkatkan peratus lulus dalam akademik di kalangan pelajar.

Seramai lebih kurang 19,000 orang pelajar, ibu bapa dan komuniti telah terlibat dalam pelaksanaan program yang diadakan dari tahun 2010 – 2014.

Pelaksanaan program ini telah memberi impak kepada para pelajar, belia dan ibu bapa serta komuniti. Melalui pelaksanaan program i-Cemerlang, pencapaian akademik pelajar dalam UPSR, PMR dan SPM telah meningkatkan. Dengan mengambil contoh pencapaian pada tahun 2014, peratus kelulusan pelajar dalam UPSR, PMR dan SPM kadar kelulusan telah meningkat sebanyak 20%. Keupayaan pelajar menguasai kemahiran 3M (mengira, menulis dan membaca) meningkat dari 59% kepada 85%. Sementara itu seramai 52 orang belia yang lemah dari segi pencapaian akademik telah menyertai program keusahawanan.

Program i-Sinar

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Sinar bertujuan meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar India di luar bandar dan sekolah ladang yang mencatat kelulusan di 40% dalam UPSR. Program i-Sinar mula dilaksanakan pada tahun

2013. Sebanyak **RM26 juta** telah diperuntukkan iaitu **RM6.5 juta** pada 2013 dan **RM19.5 juta** pada tahun 2014.

Pencapaian Program i-Sinar pada 2013, keputusan UPSR 2013 telah berjaya ditingkatkan secara keseluruhan kepada 58.3 peratus kadar lulus untuk 15 buah sekolah berbanding 40.8% kadar lulus sebelum program i-Sinar dilaksanakan. Empat (4) buah sekolah telah mencatatkan peningkatan melebihi 30% kadar kelulusan berbanding sebelum menyertai program i-Sinar. Program i-Sinar meliputi program akademik, motivasi, sahsiah dan interaksi antara keluarga. Dalam program akademik penumpuan diberikan kepada peningkatan pencapaian Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Tamil.

Sementara bagi tahun 2014 yang melibatkan 45 buah sekolah dengan 4,633 pelajar. Peningkatan pencapaian pelajar secara keseluruhan meningkat dari 40.48% (2013) kepada 53.16% (2014). Jumlah pelajar yang mendapat 7A berjumlah 54 orang. Jumlah sekolah yang mencatatkan kelulusan melebihi 50% meningkat dari 6 sekolah pada tahun 2013 kepada 26 sekolah pada tahun 2014.

Kedua-dua program i-Sinar dan i-Cemerlang ini telah tamat pada tahun 2014.

Sekian. Terima kasih.